

# **GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PESAKIT PIAWAI**

2023 - 2024



Disediakan oleh:  
Jabatan Pendidikan  
Perubatan, UiTM



## GARIS PANDUAN TEMPANAH PESAKIT PIAWAI

- Permohonan pesakit piawai adalah terbuka untuk **semua** jabatan di Fakulti Perubatan, UiTM.
- Permohonan adalah dibuka untuk penggunaan pada hari **Isnin hingga Khamis** dari jam **8.00 pagi hingga 5.00 petang**.
- Pemohon hendaklah membuat permohonan penggunaan pesakit piawai dengan mengisi **Standardized Patient Request Form**.
- Permohonan adalah untuk penggunaan pesakit piawai di Makmal Simulasi Klinikal, Fakulti Perubatan, UiTM Kampus Sg.Buloh, Selayang dan juga di Hospital Al-Sultan Abdullah, Puncak Alam.
- Penggunaan pesakit piawai mestilah bagi tujuan **pembelajaran, peperiksaan** dan **lain-lain yang berkaitan akademik**.
- Permohonan mestilah dibuat selewat-lewatnya:
  - **1 (SATU)** minggu: bagi permohonan pesakit piawai < 2 orang
  - **2 (DUA)** minggu: bagi permohonan pesakit piawai > 2 orang
- Tempoh masa minimum penggunaan pesakit piawai adalah selama **1 jam 30 minit**. Hal ini kerana, kadar bayaran pesakit piawai adalah mengikut sesi. Setiap sesi adalah selama 1 jam 30 minit.
- Permohonan mestilah dilakukan oleh **pensyarah sahaja**. Namun begitu, permohonan oleh pelajar akan diterima oleh Unit Pesakit Piawai sekiranya permohonan disertakan dengan persetujuan pensyarah yang bertanggungjawab.
- Borang permohonan mestilah diisi dengan maklumat yang lengkap dan betul.
- Berikut merupakan kriteria-kriteria permohonan yang **tidak akan diluluskan** oleh unit SP:
  - Permohonan yang dilakukan secara terus kepada individu dari unit SP tanpa mengisi borang permohonan.
  - Permohonan yang lewat.
  - Maklumat permohonan yang diberi tidak lengkap.
- Pemohon akan menerima panggilan dari staf Unit Pesakit Piawai sekiranya permohonan mereka diluluskan atau tidak diluluskan dalam tempoh **2(DUA) hari**.
- Pemohon yang memerlukan pesakit piawai yang terlatih **bertanggungjawab memberikan latihan** kepada pesakit piawai sebelum sesi berlangsung.
- Skrip dan senario lakonan perlu **disediakan sendiri** oleh pemohon. Namun begitu, staf dari unit SP akan membantu dalam menguruskan pengendalian latihan SP bersama pelatih.

## Lampiran 1

### Apa itu pesakit piawai?

Seseorang Pesakit Piawai atau digelar SP (*Standardized Patient*) terbahagi kepada 2 kategori iaitu pesakit simulasi dan pesakit sebenar. Pesakit simulasi adalah individu sihat yang telah dilatih untuk membawa watak sebagai seorang pesakit yang sebenar. Beliau akan membawa sesuatu watak yang khusus dan konsisten dalam setiap senario lakonannya. Individu yang merupakan pesakit sebenar juga boleh dikategorikan sebagai pesakit piawai apabila mereka diberikan latihan untuk menyampaikan penyakit mereka secara konsisten. Kedua-dua kategori di bawah pesakit piawai ini adalah disediakan untuk tujuan pembelajaran dan peperiksaan pelajar perubatan.

### Bukan kategori pesakit piawai?

Mana-mana individu sihat atau pesakit sebenar yang tidak menerima sebarang latihan khusus untuk membawakan watak mereka secara konsisten. Kategori pesakit ini adalah tidak sesuai digunakan bagi tujuan pembelajaran maupun peperiksaan kerana tiada penyelesaian kandungan penyampaian maklumat diberikan kepada mereka. Namun, Unit Pesakit Piawai menyediakan khidmat bukan pesakit piawai sekiranya pensyarah/pelajar memerlukannya secara *ad hoc* bagi tujuan melakukan latihan prosedur klinikal atau *physical examinations* semasa sesi *Bedside Teaching (BST)*.

\*Untuk makluman, pada ketika ini, pesakit piawai yang disediakan oleh Unit Pesakit Piawai masih belum menerima sebarang latihan khusus untuk membawa watak mereka secara konsisten semasa sesi simulasi. Oleh itu, pemohon bertanggungjawab untuk melantik pelatih untuk mengadakan sesi latihan lakonan sekiranya memerlukan pesakit piawai yang boleh membawakan watak/penyakit secara konsisten.

## Lampiran 2

Berikut merupakan sesi-sesi yang tersedia di Makmal Simulasi Klinikal, Fakulti Perubatan, UiTM Kampus Sg.Buloh. Pemohon digalakkan untuk menggunakan SP lebih dari satu sesi.

Sesi	Masa
1	0900H-1030H
2	1030H-1200H
3	1200H-1330H
Rehat	1330H-1430H
4	1430H-1600H

Berikut merupakan bilik-bilik yang dikhaskan untuk setiap jabatan bagi tujuan penggunaan SP.

1. Makmal Simulasi Klinikal, Fakulti Perubatan, Kampus Sg.Buloh

Tujuan/Jabatan	Bilik	Jumlah sesi/hari
Perubatan Am	1&2	8 sesi/2 bilik
Pediatrik	3&4	8 sesi/2 bilik
O&G	5&6	8 sesi/2 bilik
Pembedahan Am	Ruangan wad simulasi	8 sesi
Ortopedik	Ruangan wad simulasi	8 sesi
Peperiksaan	Tertakluk kepada bilangan pelajar	-
Lain-lain	Tertakluk kepada bilangan pelajar	-

2. Makmal Simulasi Klinikal, Hospital Al-Sultan Abdullah
3. Makmal Simulasi Klinikal, Fakulti Perubatan, Kampus Selayang

**Lampiran 3 (Sedang dikemaskini)**

Berikut merupakan senarai nama pelatih SP yang diiktiraf mengikut jabatan-jabatan di Fakulti Perubatan, UiTM.

Jabatan	Nama pelatih	No. tel
<i>Medical based</i>	1. 2. 3.	
<i>Surgical based</i>	1. 2. 3.	
<i>Emergency department</i>	1. 2. 3.	
<i>Psychiatry</i>	1. 2. 3.	
<i>Primary Care Medicine</i>	1. 2. 3.	
<i>Clinical Simulation Centre (History taking only)</i>	1. 2. 3. 4. 5.	



## GARIS PANDUAN LATIHAN PESAKIT PIAWAI

- Unit Pesakit Piawai, Jabatan Pendidikan Perubatan akan membantu pelatih dalam membuat aturan latihan.
- Bilangan dan tempoh latihan yang diberikan adalah bergantung kepada pelatih dari jabatan masing-masing (**Cadangan tempoh latihan: 2 jam**)
- Latihan yang diberikan kepada pesakit piawai adalah mengikut senario/ skrip yang disediakan oleh pemohon.
- Kehadiran pesakit piawai ke sesi latihan adalah **wajib**. Pesakit piawai yang tidak hadir ke sesi latihan tidak akan dibenarkan untuk menyertai simulasi.
- Penglibatan pesakit piawai dalam sesi latihan adalah **tidak berbayar**.
- Jika terdapat sebarang perubahan pada senario/skrip selepas latihan dilakukan, pemohon mestilah memaklumkan **awal** kepada Unit Pesakit Piawai.

## GARIS PANDUAN SEMASA SESI PENGGUNAAN PESAKIT PIAWAI

### Pesakit Piawai

- Pesakit piawai hendaklah menandatangani **surat Aku Janji dan Persetujuan** untuk menyimpan rahsia dan melaksanakan tanggungjawab sebagai pesakit piawai seperti yang telah ditetapkan.
- Pesakit piawai perlu **menepati masa dan hadir 30 minit awal** sebelum sesi bermula. Kehadiran lewat akan menyebabkan kadar bayaran dikurangkan.
- Berpakaian sopan, kemas dan bersesuaian dengan sesi.
- Pesakit piawai mestilah menghormati and berkomunikasi dengan pensyarah dan pelajar secara professional sepanjang sesi berlangsung.
- Mestilah membenarkan untuk dirakam dalam bentuk audio, gambar atau video dan memahami bahawa rakaman tersebut hanya akan digunakan bagi tujuan pendidikan
- Segala aktiviti jual beli antara pesakit piawai dan pelajar/pensyarah adalah **tidak dibenarkan**.
- Pesakit piawai yang perlu meninggalkan sesi bagi tujuan-tujuan tertentu perlulah memaklumkan kepada pensyarah/doktor/pelajar/staf yang bertugas.
- Pesakit piawai yang mempunyai masalah disiplin akan **dikeluarkan serta merta**.

### Pensyarah/Doktor/Pelajar

- Memberikan taklimat ringkas kepada pesakit piawai sebelum sesi bermula.
- Mestilah menghormati dan berkomunikasi dengan pesakit piawai secara professional sepanjang sesi berlangsung.
- Mestilah tidak melakukan apa-apa yang mendatangkan kemudaratkan kepada pesakit piawai.
- Menjaga maruah pesakit piawai.

## GARIS PANDUAN SELEPAS PENGGUNAAN PESAKIT PIAWAI

### Pesakit Piawai

- Melengkapkan **feedback form** yang diberikan.
- Memaklumkan kepada staf yang bertugas sebelum meninggalkan tempat simulasi.
- Memastikan semua barang peribadi yang dibawa telah diambil semula.
- Menyimpan rahsia segala maklumat yang diperoleh sepanjang sesi berlangsung.
- Tidak berbincang perihal pelajar/ pensyarah setelah tamat sesi simulasi.

### Pensyarah/ Doktor/ Pelajar

- Melengkapkan **feedback form** yang diberikan.
- Memastikan semua barang peribadi yang dibawa telah diambil semula.
- Menyimpan rahsia segala maklumat yang diperoleh sepanjang sesi berlangsung.
- Tidak berbincang perihal pesakit piawai setelah tamat sesi.